

Ruj. Kami : (8.00)(01.00) 96 /1-3/(87)

Tarikh : 11 Jun 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Di Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 14 TAHUN 1997**

**PENYEWAAN RUANG KEPADA INDIVIDU / SYARIKAT
YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN
DI BANGUNAN - BANGUNAN KERAJAAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan terdapat jabatan Persekutuan di Sabah yang menyewakan ruang di bangunan jabatan masing-masing kepada individu/syarikat yang menjalankan perniagaan. Hasil penyewaan yang diperolehi dari individu/syarikat telah dimasukkan ke dalam akaun kelab jabatan, persatuan, tabung kebajikan dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan jabatan tersebut.

3. Garis panduan dan peraturan yang harus dipatuhi serta diikuti berkaitan dengan penyewaan ruang kepada individu/syarikat di bangunan-bangunan Kerajaan adalah seperti berikut:-

a. Bangunan-bangunan Kerajaan adalah merupakan aset Kerajaan. Oleh itu, perjanjian penyewaan hendaklah dibuat di antara pihak Kerajaan Persekutuan dan penyewa dan ditandatangani oleh pihak-pihak tersebut.

b. Tanah milik/rizab Kerajaan Persekutuan adalah untuk kegunaan jabatan Kerajaan Persekutuan. Jika tanah tersebut telah mempunyai hakmilik, Kerajaan Persekutuan terpaksa membayar cukai tanah setiap tahun kepada Kerajaan Negeri. Sebarang bangunan yang ada di atas tanah berkenaan juga sepatutnya menjadi milik Kerajaan Persekutuan.

c. Mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1991 (perenggan 4.1.4.), Ketua-ketua jabatan boleh membenarkan pertubuhan menggunakan sebahagian dari ruang pejabat untuk pejabat berdaftar sekiranya jabatan mempunyai ruang pejabat yang tidak terpakai.

d. Sewa yang diperolehi daripada penyewaan ruang dalam bangunan Kerajaan adalah hasil Kerajaan. Oleh itu, hasil Kerajaan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan untuk dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

e. Sewa yang dikutip oleh kelab jabatan, persatuan, tabung kebajikan dan lain-lain lagi sebelum ini hendaklah dipulangkan kepada Kerajaan.

4. Berdasarkan kepada garis panduan dan peraturan seperti di perenggan 3 di atas, amalan penyewaan sekarang adalah tidak teratur dan hendaklah dihentikan serta diperbetulkan.

Di atas kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T
(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.